

Pengakap Muda (Jilid 1)

Lencana Keahlian dan Lencana Usaha

Amir Hamzah Aman

Pengakap Muda (Jilid 1)
Lencana Keahlian dan Lencana Usaha
© MK e-Solutions Sdn. Bhd.
ISBN 978-967-19311-7-2
Terbitan Pertama : 2022

PENULIS
Dr. Amir Hamzah bin Aman

Hakcipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak dibenarkan dicetak atau disalin semula, disimpan dalam mana-mana sistem perolehan kembali, diedarkan atau dipindahkan dalam sebarang bentuk, sama ada bentuk elektronik, salinfoto, rakaman atau dengan cara apa jua pun, tanpa mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada MK e-Solution Sdn. Bhd., Malaysia.

Kesahihan fakta dan tafsiran dalam terbitan ini adalah tanggungjawab penulis sepenuhnya dan tidak mewakili pandangan, tafsiran dan huraian pihak penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Amir Hamzah Aman, Dr., 1967-

Pengakap Muda. (Jilid 1), Lencana Keahlian dan Lencana Usaha / Amir Hamzah Aman.

ISBN 978-967-19311-7-2

1. Scouting (Youth activity)--Malaysia.

2. Student activities--Malaysia.

I. Judul.

369.43

Penerbit:

MK e-Solutions Sdn. Bhd. (803687-K)

6th Floor, Suite 16, IOI Business Park, Persiaran Puchong Jaya Selatan

Bandar Puchong Jaya, 47100 Puchong Selangor

Tel: +603 80644228

Fax: +603 80642050

web: <http://mke-solutions.com>

e-mail: enquiries@mke-solutions.com

Dicetak oleh:

CIPTA Printing & Publishing (M) Sdn Bhd

No.16, Persiaran Rishah 14, Kawasan Perindustrian Silibin,

30100 Ipoh, Perak Darul Ridzuan, Malaysia.

Tel : 05-5262627 Fax : 05-5262205

Kandungan

Kandungan	iii
Prakata	iv
Bab 1.	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Unit Pengakap Muda	3
1.2 Program Latihan Pengakap Muda	4
Bab 2.	
2.0 Pengenalan	6
2.1 Peraturan Pakaian Seragam	8
2.2 Prinsip Rukun Negara	13
2.3 Lambang Pengakap Malaysia dan Lambang Pengakap Dunia	14
2.4 Persetiaan Pengakap dan Undang-undang Pengakap	15
2.5 Hormat Pengakap dan Cogan Kata Pengakap	16
2.6 Sejarah Pengakap Malaysia dan Sejarah Pengasas Pengakap - Lord Baden-Powell	16
2.7 Simpulan dan ikatan	20
Bab 3.	
3.0 Pengenalan	22
3.1 Cita-cita Unggul Pengakap	23
3.2 Kecergasan dan Kesegaran Jasmani	40
3.3 Kemahiran Pengakap	55
3.4 Kecenderungan dan Minat	70
3.5 Perkhidmatan	76
Senarai Semak Ujian Lencana Kemajuan Pengakap Muda	83
Bibliografi	86
Biodata Penulis	87

Prakata

Tinta Bicara Penulis

Salam Pengakap.

Sekali berpengakap, terus berpengakap. Itulah kata-kata keramat yang saya pegang sejak menjadi ahli pengakap. Sejak tahun 1979, saya terus berpengakap dan selama itu jualah, segala suka duka saya telah lalui sebagai anak pengakap.

Tujuan penulisan buku ini adalah untuk membantu anak-anak pengakap terutama pengakap muda memahami dan mampu untuk menjalani program pengakap muda sepenuhnya hingga berjaya mendapatkan Anugerah Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara (Rambu Pengakap Muda) setelah berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan Lencana Usaha, Lencana Maju dan Lencana Jaya.

Saya berharap buku ini akan menjadi teman kepada pejuang pengakap terutama para pemimpin pengakap muda yang dahagakan bahan rujukan atau garis panduan untuk mengendali, mengurus dan memantapkan ahli pengakap di peringkat pertengahan penglibatan mereka. Idea penulisan ini digubah dan disusun berdasarkan kurikulum pengakap muda dengan berbekalkan pengalaman menjadi pemimpin pengakap muda pada awal menceburi dunia pendidikan. Buku ini diadun menggunakan kurikulum terkini dan konsepnya mudah dengan memberikan beberapa contoh untuk menjalankan aktiviti atau pengisian ujian bagi setiap kemahiran.

Saya terpenggil untuk menulis buku ini apabila melihat ketandusan buku-buku rujukan pengakap di Malaysia. Sebagai pendidik, saya menyahut dan merealisasikan agenda pendidikan negara dengan menghasilkan bahan pembacaan bermutu untuk sejajar dengan konsep Pendidikan Abad ke-21.

Akhir kata, saya ingin merakam jutaan terima kasih kepada Persekutuan Pengakap Malaysia, rakan-rakan pemimpin dan anak-anak pengakap yang sering mencetuskan percambahan idea dalam penghasilan buku ini. Terima kasih.

Dr. Amir Hamzah bin Aman
Pensyarah Cemerlang (Kokurikulum)
Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu
Lembah Pantai, Kuala Lumpur

15 Ogos 2022



PENGAKAP MUDA



1.0 Pengenalan

Pengakap merupakan satu pergerakan atau pertubuhan sukarela yang tertua di dunia. Pengakap amat sesuai dianggotai oleh semua peringkat umur dari peringkat kanak-kanak hingga ke peringkat warga emas. Pengakap dan berpengakap merupakan dua patah kata yang mempunyai makna berasingan. Pengakap adalah seperti yang dijelaskan di atas iaitu sebuah pergerakan atau pertubuhan sukarela manakala berpengakap bermaksud penglibatan ahli dalam pergerakan pengakap.

Sebagai ahli pengakap, ada beberapa sudut yang patut kita lihat dan maksudnya iaitu apa matlamat kita berpengakap dan apa wawasan kita melibatkan diri di dalam pengakap.